

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG
KAWASAN : IPOH TIMUR
TARIKH : 3 OGOS 2017
NO. SOALAN : 355

SOALAN

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bantuan-bantuan yang diberikan kepada peniaga-peniaga industri sederhana dan kecil akibat kemerosotan nilai mata wang dan pelaksanaan GST.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari bahawa kemerosotan nilai Ringgit telah sedikit sebanyak memberi kesan ke atas sektor perniagaan, khususnya PKS yang banyak mengimport barangan dari luar negara. Ini kerana kejatuhan nilai Ringgit telah menyebabkan harga barangan import menjadi lebih tinggi berbanding harga barangan tempatan.

Bagi membantu PKS menangani cabaran ini, Kerajaan telah menyediakan pelbagai program dan bantuan untuk membolehkan PKS terus bersaing di samping menggalakkan mereka mengeksport produk

dan perkhidmatan mereka ke luar negara. Sebagai Agensi khusus yang terlibat dalam pembangunan PKS di Malaysia, SME Corp. Malaysia melaksanakan pelbagai program bagi membantu mereka meningkatkan keupayaan dan kapasiti, antaranya:

- i. **Business Accelerator Programme (BAP)** yang bertujuan membantu pertumbuhan PKS secara menyeluruh dan bersepadu yang merangkumi empat komponen utama iaitu:
 - penilaian diagnostik bagi mengenal pasti prestasi semasa dan keupayaan perniagaan;
 - pemberian khidmat nasihat perniagaan dan cadangan pelan tindakan untuk meningkatkan keupayaan PKS;
 - pelaksanaan aktiviti penambahbaikan oleh PKS; dan
 - penyediaan bantuan kewangan dan akses kepada pembiayaan.

- ii. **Program Catalyst HIP5.** Di bawah program ini, PKS yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi dibantu untuk menjadi jaguh tempatan melalui pendekatan yang disasarkan seperti bantuan pembiayaan, akses kepada pasaran dan pembangunan modal insan.

- iii. **Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP)** yang memberi peluang kepada pakar yang berpengalaman dan telah bersara dari industri atau agensi-agensi kerajaan, menyumbangkan kepakaran mereka melalui khidmat nasihat teknikal dan perniagaan kepada PKS. Bimbingan ini adalah bagi membolehkan PKS mengenal pasti kekuatan dan kelemahan syarikat dan menyusun langkah penambahbaikan serta pembaharuan untuk meningkatkan keupayaan syarikat.

- iv. **National Mark of Malaysian Brand** yang merupakan satu program pengiktirafan produk dan perkhidmatan jenama Malaysia bagi membolehkan PKS meluaskan pasaran di dalam dan ke luar negara. Melalui program ini, syarikat yang mendapat pensijilan National Mark of Malaysian Brand akan mendapat insentif untuk meningkatkan lagi penjenamaan syarikat mereka.

Syarikat yang mengikuti program-program ini berpeluang mendapat khidmat nasihat dan insentif daripada SME Corp. Malaysia dalam bentuk dana pembangunan dan latihan, serta menyertai promosi perdagangan tempatan dan antarabangsa yang bersesuaian, termasuk sesi pepadanan perniagaan.

Sekian, terima kasih.